

13 SEP 2000

Mahathir-Gates/

DR MAHATHIR, BILL GATES BINCANG PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

PUTRAJAYA, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengerusi Microsoft Corporation Bill Gates hari ini meluangkan masa selama satu jam membincangkan perkembangan dalam bidang teknologi dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kami berbincang tentang apa yang sedang berlaku dalam bidang teknologi dan mengenai peluang Malaysia untuk terus menyertai bidang itu," kata Gates kepada pemberita selepas pertemuan itu yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Gates adalah anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang telah mengadakan mesyuaratnya di sini minggu lepas.

MSC, sebuah kawasan seluas 750 km persegi ke selatan sini, diwujudkan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Sebelum itu, Gates merasmikan pembukaan Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd (MKCC), sebuah anak syarikat Microsoft Corporation yang bertaraf MSC, di Cyberjaya.

Pembukaan MKCC adalah satu lagi bukti tentang komitmen Microsoft untuk bekerjasama dengan kerajaan Malaysia dan industri tempatan bagi mewujudkan ramai pemaju perisian dan pekerja berpengetahuan.

Gates berada di sini untuk lawatan sehari selepas berucap pada Forum Ekonomi Sedunia di Melbourne, Australia.

-- Bernama

MAM AZZ MAI